

Bolos sempadan setiap malam

SINAR AHAD MS:14 19/6/2022

Cubaan sindiket seludup PATI, barangan membolosi perairan negara

Oleh ZULHISHAM ISAHAK
JOHOR BAHRU

Cubaan sindiket membawa masuk pendatang asing tanpa izin (PATI) dan melakukan penyeludupan barangan berlaku hampir setiap malam sejak sempadan antarabangsa dibuka pada April lalu.

Ketua Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia), Laksamana Maritim Datuk Mohd Zubil Mat Som berkata, sindiket biasanya memilih masa antara jam 8 malam hingga 4 pagi untuk membolosi perairan negara.

“Bagaimanapun cubaan sindiket ini kebanyakannya berjaya

kita patahan menerusi operasi bersepadu dengan melakukan kawalan dan rondaan di kawasan sempadan perairan negara. Biasanya, bila mereka patah balik dan akan cuba lagi, ini akan berlaku berterusan.

“Ini berlaku kerana terdapat permintaan (pasaran kerja) dalam sektor-sektor seperti perkilangan, pertanian dan perladangan,” katanya selepas Majlis Penyerahan *Rigid Hull Fender Boat* (RHFB) Kelas Perkasa di Berjaya Waterfront Hotel di sini pada Sabtu.

Mohd Zubil sebelum itu menyaksikan majlis menandatangani dokumen penyerahan RHFB antara Timbalan Ketua Pengarah (Logistik) Maritim Malaysia, Laksamana Madya Maritim Datuk Shaiful Lizan Ibrahim dengan Pengerusi Dalac Marine Engineering dan Services Sdn Bhd, Datuk Zakaria Yusof.

Mengulas lanjut Mohd Zubil berkata, Maritim Malaysia melakukan 442 tangkapan atas pelbagai kesalahan dan me-



Mohd Zubil (kiri) melihat bot yang diterima Maritim Malaysia dalam Majlis Penyerahan RHFB Kelas Perkasa di Terminal Feri Antarabangsa Stulang Laut, Johor Bahru pada Sabtu.

rekodkan RM55.8 juta hasil rampasan mulai awal tahun sehingga 10 Jun lalu.

Jelasnya, jumlah berkenaan adalah hasil daripada 76,026 pemeriksaan selain 12,764 pengeledahan dilakukan dalam tempoh berkenaan.

Beliau berkata, Maritim Malaysia juga merekodkan 46 kes kesalahan pencerobohan

bot nelayan asing melibatkan 405 kru, 80 kes berkaitan Akta Ordinan Perkapalan Saudagar (MSO), 31 kes penyeludupan dadah, ketum dan rokok selain 93 kes penyeludupan pelbagai termasuk PATI.

Dalam pada itu, bagi memperkasa penguatkuasaan di perairan negara, Maritim Malaysia menerima 30 bot RHFB

Kelas Perkasa bernilai RM46.5 juta bagi menggantikan bot sedia ada yang menjangkau usia 17 tahun.

Selain itu jelas Mohd Zubil, Maritim Malaysia dijangka menerima aset baharu termasuk enam unit helikopter dan kapal logistik *multi purpose mission ship* dalam tempoh beberapa tahun lagi.